

25 MAY 1996

OSMAN AROFF MAHU JUMPA PM TENTU TARIKH LETAK JAWATAN

LANGKAWI, 24 Mei (Bernama) -- Tan Sri Osman Aroff ingin berjumpa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi menentukan tarikh penguatkuasaan perletakan jawatannya sebagai Menteri Besar Kedah.

Osman, yang ditemui pemberita selepas perasmian Pesta Langkawi di sini malam ini, tidak mahu memberi sebarang komen mengenai kenyataan Dr Mahathir bahawa perletakan jawatannya sebagai Menteri Besar Kedah telah diterima.

"Saya tak ada apa nak komen. PM dah kata macam tu.

"Jadi sekarang ni saya kena buat temujanji jumpa dengan PM untuk tetapkan tarikh berkuatkuasa perletakan jawatan itu," katanya ketika ditanya pemberita selepas majlis yang dirasmikan oleh Sultan Kedah itu.

Perdana Menteri, ketika ditemui pemberita di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang, petang tadi, berkata perletakan jawatan Osman sebagai Menteri Besar Kedah sudah diterima tetapi tarikh penguatkuasaannya belum ditentukan lagi.

Dr Mahathir berkata, beliau akan berbincang dengan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, mengenai tarikh itu dan calon yang akan menggantikan Osman. -- BERNAMA.

ZAA NJ